



**MINIT MESYUARAT KALI KE-68 MAJLIS BERSAMA JABATAN
YANG DIADAKAN PADA HARI ISNIN 18 APRIL 2022, JAM 9.30 PAGI
SECARA DALAM TALIAN**

Kehadiran : Pengerusi

YBhg. Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq bin Mahamd Adikan
Naib Canselor

Ahli Wakil Majikan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab. Rahman
Pengarah Hospital
Hospital Universiti Sains Malaysia

YBrs. Profesor Dr. Shaharum Bin Shamsuddin
Pemangku Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi
Penasihat Undang-Undang

YBrs. Dr. Musa bin Ali
Pendaftar

YBrs. Encik Kamarul Ariffin Bin Ngah
Bendahari

Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Ahli Wakil Pekerja

Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari
Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz
Profesor Madya Dr. Mohamad Rashidi Bin Mohd Pakri
Profesor Madya Dr. Lee Hooi Ling
Dr. Mohd Zahri bin Abdul Aziz
Puan Ida Haryati binti Ibrahim Bey

Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM

Encik Ahmad Rizwan bin Zulkharnain (Presiden)
Encik Mohd Zulkifly bin Ibrahim
Encik Syaarani Amri Bin Muhamad
Puan Hasnah binti Hassan
Encik Nik Fakrudin bin Nik Ali

Setiausaha Bersama

Encik Mohd Zulkarnain bin Mohamad Tajulariffin
Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin bin Ahmad
Setiausaha
Kesatuan Kakitangan Am

Tidak Hadir:

YBhg. Profesor Dato' Dr. Narimah binti Samat
Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa

Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan bin Ahmad Farouk (Presiden)
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Profesor Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Puan Azliza Binti Ahmad
Kesatuan Kakitangan Am USM

Encik Mohd Shukur bin Abidin
Kesatuan Kakitangan Am USM

MINIT 1

Aluan Pengerusi

1.1 Aluan kedatangan dan ucapan terima kasih kepada ahli.

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengalukan-alukan kedatangan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir secara dalam talian. Mendoakan kesejahteraan dan kesihatan kepada ahli serta sentiasa dilindungi dari wabak pandemik COVID-19.

Pengerusi mengalukan kedatangan ke mesyuarat MBJ kepada YBhg. Profesor Dato' Dr. Nik Hisamuddin bin Nik Ab. Rahman, Pengarah Hospital USM, dan YBrs. Profesor Dr. Shaharum bin Shamsuddin, Pemangku Pengarah Kampus Kesihatan dengan ucapan tahniah atas pelantikan ke jawatan masing-masing mulai 1 Januari 2022.

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas inisiatif Pendaftar mengadakan Pra-Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan bersama KKAUSM pada 3 Mac 2022. Melalui Pra-Mesyuarat tersebut, dan mengambil maklum bahawa sejumlah lima (5) perkara telah dibangkitkan dengan beberapa usul telah pun mendapat penjelasan serta disusuli tindakan di pihak Jabatan Pendaftar.

Pengerusi mengambil maklum bahawa pihak PKAPUSM melalui e-mel rasmi kepada Setiausaha MBJ telah menyatakan persetujuan untuk tidak mengadakan Pra-Mesyuarat pada kali ini.

MINIT 2

Pengesahan Minit Mesyuarat

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat ke-67 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Khamis, 9 September 2021, jam 2.30 petang yang diadakan secara dalam talian.

MINIT 3 Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-67

Tiada perkara berbangkit dari Mesyuarat Kali ke-67 MBJ

MINIT 4 Perkara Daripada Pihak Majikan

4.1 Keperluan Mesyuarat MBJ Bagi Tahun 2022

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, Jabatan Perkhidmatan Awam melalui e-mel (Rujukan : JPA.600-22-2/308(23) kepada Setiausaha Pihak Majikan MBJ bertarikh 9 Februari 2022 telah memaklumkan mengenai keperluan melaksanakan Mesyuarat MBJ sekali dalam tempoh empat (4) bulan bagi tahun 2022;

Mesyuarat	Tempoh
Bilangan 1/2022	Januari – April 2022
Bilangan 2/2022	Mei – Ogos 2022
Bilangan 3/2022	September – Disember 2022

Disamping itu, mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JPA turut akan melaksanakan naziran ke atas pengurusan dan pelaksanaan MBJ di agensi-agensi yang akan dipilih secara rawak dari semasa ke semasa.

Sehubungan dengan itu, mesyuarat mengambil maklum dan perhatian serta telah bersetuju dengan bilangan kekerapan dan tempoh pelaksanaan Mesyuarat MBJ di peringkat USM bagi tahun 2022.

[Makluman Mesyuarat]

4.2 Penggantian Penggunaan Istilah 'Bukan Akademik'

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Ke-193 Bilangan 1/2022 pada 12 Januari 2022 telah mengambil maklum permohonan Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) yang memohon penggunaan istilah staf bukan akademik di seluruh Universiti Awam digantikan dengan suatu istilah yang lebih bersesuaian.

Wakil dari PKAPUSM mencadangkan supaya istilah Kumpulan Pengurusan & Profesional digantikan dengan istilah yang lebih ringkas iaitu 'Kumpulan Pentadbir'. Wakil dari KKAUSM mencadangkan supaya istilah 'Kumpulan Pelaksana' untuk digunapakai. Walau bagaimanapun, Pendaftar berpendapat bahawa penggunaan istilah Kumpulan Pentadbir tidak mewakili kepelbagaian skim perkhidmatan atau jawatan khususnya seperti Pegawai Farmasi dan Pegawai Perubatan yang tidak melaksanakan tugas 'pentadbiran'.

Setelah berbincang dan mendengar beberapa pandangan ahli, mesyuarat bersetuju dengan cadangan untuk menggunakan istilah 'Kumpulan Pengurusan & Profesional' dan 'Kumpulan Pelaksana' bagi menggantikan istilah 'bukan akademik' secara rasmi di USM.

Pandangan / cadangan ini akan dibawa semula ke peringkat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) untuk penerimaan pemakaiannya secara rasmi.

[Makluman Mesyuarat]

4.3 Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah pun meluluskan pemakaian Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang bertarikh 26 Januari 2022 yang merangkumi Ceraian PP1.3.4 : Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat. Staf yang berkeelayakan boleh membuat permohonan mulai April 2022 menggunakan borang yang telah disediakan secara dalam talian oleh pihak Bahagian Sumber Manusia.

Wakil dari Bahagian Sumber Manusia (BSM) memaklumkan kepada mesyuarat bahawa hebahan telah dilaksanakan pada 7 April 2022 melalui Hebahan Pendaftar Bil. 11 Tahun 2022 kepada seluruh warga staf dan untuk makluman, permohonan boleh dibuat secara dalam talian.

Perhatian mesyuarat dipohon untuk mengambil maklum bahawa cukai akan dikenakan daripada jumlah pengeluaran sekiranya staf belum mencapai umur 55 pada tarikh permohonan GCR dibuat.

Sehubungan itu, mesyuarat memohon perhatian daripada pihak Wakil Pekerja untuk bersama membantu universiti dalam menyalurkan maklumat serta memberi khidmat nasihat yang sewajarnya berkenaan pengurusan kewangan kepada warga staf agar inisiatif Kerajaan ini dimanfaatkan sebaiknya.

[Makluman Mesyuarat]

MINIT 5 : Perkara Daripada Pihak Pekerja

5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)

- Tiada perkara / usul cadangan daripada pihak PKAPUSM

5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

5.2.1 Pelantikan Pegawai Pengurusan Aset

Pihak KKAUSM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa, terdapat beberapa maklumbalas yang diterima dari staf yang menyatakan pelantikan staf pelaksana sebagai Pegawai Pengurusan Aset adalah tidak bersesuaian di PTJ yang mempunyai staf di peringkat Kumpulan Pengurusan & Profesional. Pihak KKAUSM juga berpendapat bahawa adalah sewajarnya pelantikan Pegawai Pengurusan Aset diberikan kepada pegawai dari Kumpulan Pengurusan & Profesional atas faktor nilai aset di PTJ adalah tinggi dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, bagi membolehkan pihak KKAUSM membantu memberikan penjelasan dan penerangan yang lebih tepat kepada warga staf, pihak KKAUSM memohon pihak Bendahari untuk memberikan penerangan berkenaan kriteria atau TOR pelantikan pegawai aset di setiap PTJ serta menjelaskan berkenaan kesesuaian pelantikan staf Kumpulan Pelaksana sebagai pegawai aset di Pusat Tanggungjawab.

Pengarah HUSM memaklumkan kepada mesyuarat, terdapat pekeliling perkhidmatan iaitu Pekeliling Perbendaharaan (1PP) : Pengurusan Aset Kerajaan yang menyatakan bahawa gred lantikan adalah tertakluk kepada bebanan tugas, nilai serta bilangan aset kerajaan di bawah kawalan atau seliaan. Pegawai pengurusan aset boleh dilantik daripada mana-mana kumpulan skim perkhidmatan dengan keutamaannya adalah dari Kumpulan Pengurusan & Profesional.

Namun, pegawai pengurusan aset dari gred 19 dan ke atas juga boleh dilantik sekiranya tiada/terhad Kumpulan Pengurusan & Profesional di PTJ tersebut.

Maklumbalas:

Pengerusi memohon kepada pihak KKAUSM untuk mengenalpasti semula PTJ yang mempunyai isu pelantikan pegawai pengurusan aset dan kemukakan kepada pihak universiti melalui Jabatan Bendahari untuk tujuan penelitian bersama Ketua Jabatan yang berkaitan.

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan perkara ini dan memohon pihak Jabatan Bendahari untuk menyemak kriteria atau TOR pelantikan Pegawai Aset.

Pihak KKAUSM disaran untuk mengadakan perbincangan lanjut bagi mendapatkan penjelasan selanjutnya bersama pihak Jabatan Bendahari.

[Tindakan: Jabatan Bendahari dan KKAUSM]

5.2.2 Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Arahan Universiti Melalui Hebahan Perkhidmatan Kepada Staf USM

Pihak KKAUSM telah mendapat maklumbalas dari warga staf yang menyatakan terdapat PTJ yang tidak mengendahkan arahan berkaitan perkhidmatan dan pengoperasian pejabat yang dikeluarkan secara rasmi oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.

Sehubungan dengan itu, pihak KKAUSM ingin memohon pihak Universiti untuk membantu bersama-sama memastikan Ketua Jabatan sentiasa peka dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak universiti demi keselamatan dan kebajikan warga staf secara keseluruhan.

Pihak KKAUSM turut bersedia dan bersikap terbuka untuk mengadakan perbincangan serta mewujudkan jaringan hubungan yang baik antara pihak KKAUSM dengan pihak Ketua-ketua Jabatan dalam menangani apa jua isu yang berkaitan dengan kebajikan warga staf.

Maklumbalas:

Pengerusi mengambil maklum dan bersetuju berkenaan perkara yang dibangkitkan. Sekiranya isu berkaitan terjadi di mana-mana PTJ, Pengerusi memohon supaya dilaporkan kepada pihak Pusat Pengurusan Bencana (*Nerve Centre*) supaya tindakan dapat diambil oleh pihak universiti dan Pendaftar bagi menangani isu ini.

[Tindakan: KKAUSM & Pusat Pengurusan Bencana USM]

MINIT 6 : Hal-hal Lain

6.1 Perintah Profesion Kesihatan Bersekutu (Pindaan Jadual Kedua) 2022

Wakil daripada pihak KKAUSM membentangkan kepada mesyuarat berkenaan Perintah Profesion Kesihatan Bersekutu (Pindaan Jadual Kedua) 2022 yang dikeluarkan pada 23 Mac 2022 oleh Jabatan Peguam Negara sebagai makluman berkenaan penambahbaikan "Jadual Kedua" bagi senarai profesion kesihatan bersekutu.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, wakil dari Kampus Kesihatan (dan HUSM) bersama wakil-wakil dari Universiti Awam lain yang terlibat dengan akta ini telah bersama-sama berbincang dengan lebih awal bagi melihat implikasi sekiranya universiti melaksanakan akta ini. Untuk makluman mesyuarat juga, beberapa perancangan yang dirancang telah berjaya dilaksanakan di universiti.

Sehubungan dengan itu, pihak universiti dipohon sekiranya dapat menyediakan punca kuasa yang jelas dan menyalurkan bantuan dari segi sumber bagi melancarkan penglibatan USM dalam perbincangan akta yang bakal dilaksanakan dari semasa ke semasa.


Maklumbalas:

Pengerusi mengucapkan berbilang terima kasih di atas komitmen yang diberikan dan bersetuju menyediakan punca kuasa dan saluran bantuan untuk bersama-sama membantu. Sehubungan dengan itu, Pengerusi mohon pihak sekretariat untuk berbincang bersama pihak pengurusan HUSM, Kampus Kesihatan berkenaan perkara tersebut.

[Tindakan: KKAUSM & Pengarah HUSM]

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10:45 pagi dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

oooOOOooo

Disediakan oleh :-

ENCIK MOHD ZULKARNAIN BIN
MOHAMAD TAJULARIFFIN
Setiasaha Bersama MBJ USM

Disediakan oleh :-

ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD
Setiasaha Bersama (Wakil Pekerja)
MBJ USM